

Maklum balas dikaji: PM

13 AUG 2002
Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Kabinet akan mengkaji cadangan balas beberapa pihak termasuk parti yang mewakili masyarakat Cina dalam Barisan Nasional (BN), berhubung pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris bagi subjek Sains dan Matematik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan kaji semuanya," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menyaksikan siri ke-7 Kejuaraan F1 Bot Laju Sedunia di The Mines Resort City di Seri Kembangan di sini, hari ini.

Ditanya sama ada Kabinet akan membincangkan isu itu pada mesyuaratnya Rabu ini, Dr Mahathir berkata: "Saya belum pasti lagi, tetapi kita akan kaji."

Beliau diminta mengulas beberapa cadangan balas termasuk yang dikemukakan Gerakan berhubung pelaksanaan dasar baru itu di semua sekolah meliputi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil mulai tahun depan.

Semalam, Gerakan mencadangkan supaya bagi peringkat sekolah rendah, bahasa ibunda masing-masing dikekalkan sebagai bahasa pengantar dan pada masa sama mahu pengajaran Sains dan Matematik diperbaiki.

Parti itu juga mahu terminologi Sains dan Matematik diperkenalkan dalam bahasa Inggeris bermula dari Tahun Empat hingga Enam dengan teks dwibahasa bagi Tahun Lima dan Enam, dilengkapi petikan Sains dan Matematik da-

lam bahasa Inggeris.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein ketika ditemui pada majlis yang sama berkata Pemuda tidak berniat menyekat mana-mana pihak menimbulkan isu berkaitan pengajaran bahasa Inggeris untuk dua mata pelajaran terbabit.

"Tetapi kami tidak bertolak ansur kepada mana-mana pihak yang menimbulkan isu lain yang tiada kaitan dengan perkara asas seperti mengaitkan isu itu dengan soal identiti agama atau kaum.

"Itu sudah mempunyai niat jahat. Tujuan kita memang jelas iaitu untuk mengetengahkan penguasaan bahasa Inggeris bagi menimba ilmu, tidak lebih dan tidak kurang.

"Pihak yang menimbulkan isu lain yang tiada kaitan, sebenarnya tidak bertanggungjawab, mencari masalah dan mengapiakan sentimen dalam satu negara majmuk. Kami tidak bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang mengganggu keadaan," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini Pemuda Umno hanya melahirkan kebimbangan dari segi pelaksanaan dasar itu terutama membabitkan tenaga pengajar sama ada mencukupi atau tidak dan jadual yang ditetapkan untuk pelaksanaannya.

Berikutan itu, katanya, Pemuda Umno sudah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan.

"Sebab itu saya minta semua pihak khususnya pertubuhan Cina, sekiranya

Tindakan untuk faedah rakyat

DARI MUKA 1

mereka bimbang dari segi pelaksanaannya, mereka boleh membahaskannya tanpa mengaitkan isu yang tidak ada kaitan langsung.

"Jika mereka mempunyai cadangan tertentu dan bagaimana ia boleh dilaksanakan supaya menjadi lebih baik, tak apa dan tiada siapa boleh menyekat mereka menyuarakan pendapat itu tetapi jangan kaitkan dengan kaum dan sentimen agama kerana ia berbahaya," katanya.

Katanya, apa yang dilakukan kerajaan untuk faedah semua bagi menjamin generasi akan datang berupaya menguasai ilmu pengetahuan menerusi pengajaran bahasa Inggeris.

Jumaat lalu, lima parti politik yang mewakili masyarakat Cina dalam BN sekali lagi gagal mencapai kata sepakat dalam menetapkan pendirian bersama berhubung keputusan kerajaan melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP), pada perjumpaan kali ketiga itu memutuskan memerlukan lebih banyak masa untuk membincangkan dasar baru itu.